

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 8 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7111

SOALAN:

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah Pertubuhan NGOs atau organisasi yang didaftar dan tidak didaftar di negara ini. Adakah Kerajaan dapat mengesan aktiviti sebenar pertubuhan-pertubuhan ini dan adakah ianya dibenarkan di bawah undang-undang sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] iaitu, “Sesiapa yang melakukan perlanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika perlanggaran itu adalah suatu perlanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari perlanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.

Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan JPPM

di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] sehingga 30 Jun 2014 adalah sebanyak 52,283 pertubuhan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak merekodkan maklumat jumlah pertubuhan yang tidak berdaftar kerana organisasi seumpamanya tidak tampil ke JPPM untuk mengemukakan permohonan untuk didaftarkan.

Kerajaan memantau aktiviti pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar berdasarkan Undang-Undang Tubuh Pertubuhan serta melalui Penyata Tahunan yang dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan yang mengandungi laporan aktiviti pertubuhan, laporan kewangan, minit Mesyuarat Agung dan senarai ahli jawatankuasa yang dipilih bagi tahun semasa. Bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar pula, Kerajaan mendapat laporan berkenaan aktiviti pertubuhan tersebut berdasarkan laporan polis, aduan awam, media massa dan lain-lain sumber. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 6 Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], suka diperjelaskan bahawa undang-undang semasa tidak membenarkan pertubuhan yang tidak berdaftar untuk menyusun atau mengambil bahagian di dalam apa-apa gerakan atau bagi pihak pertubuhan itu.